

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4/5/2012

JUMAAT 4 MEI 2012

UTUSAN MALAYSIA • MUKA 13

## Rencana



### Suara Blog

# Antara Bersih 3.0 dan pemimpin 'bersih moral'

UM - 4/5/2012

BELUM pun reda isu-isu berbangkit daripada perhimpunan Bersih 3.0, kita dikejutkan pula dengan isu skandal seks melibatkan seorang lagi pemimpin pembangkang dari Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Kali ini melibatkan Timbalan Presiden-nya, Azmin Ali dengan seorang wanita, yang gambar-gambar daripada rakaman kamera litar tertutup didedahkan oleh beberapa blog, antaranya **Papa Gomo** ([www.papagomo.com](http://www.papagomo.com)) dan **Scandal Azmin Ali** ([scandalazminali.blogspot.com](http://scandalazminali.blogspot.com)).

Isu gambar-gambar aksi lelaki mirip Azmin dengan seorang wanita misteri di dalam bilik air dan ruang tamu sebuah rumah itu melenyapkan seketika isu-isu berkaitan rusuhan yang tercetus ketika perhimpunan Bersih 3.0, 28 April lalu.

Walaupun Azmin menafikan bahawa lelaki di dalam gambar tersebut adalah beliau, namun banyak kalangan penulis blog yang



**Lukman Ismail**  
lukman@utusan.com.my



mempersoalkannya kerana ia hanya bersifat penafian semata-mata.

**Putra Merdeka** ([politikputramerdeka.blogspot.com](http://politikputramerdeka.blogspot.com)) misalnya menganggap penafian Azmin itu adalah skrip yang sama yang pernah diguna pakai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini apabila dikaitkan dengan pelaku dalam sebuah rakaman video seks.

Skrip sama konon ia adalah fitnah dan konspirasi pihak UMNO untuk menjatuhkan beliau itu kemudian dihafal dan dicanang oleh pencacai mereka bagi kelangsungan politik masing-masing, kata blog ini.

Benar bagai dikatakan oleh blog **MyKMU** ([www.mykmu.net](http://www.mykmu.net)), jika Azmin betul-betul yakin bahawa skandal seks itu adalah fitnah UMNO terhadapnya kenapa beliau tidak mengemukakan saman terhadap parti itu yang katanya berterusan mengaibkan beliau dan keluarganya.

Tapi apakah benar ia fitnah UMNO atau Azmin lupa bahawa beliau sendiri mempunyai ramai musuh dalam partinya sendiri berbanding UMNO ekoran hubungan erat dengan Anwar sehingga menyekat peluang orang lain untuk berada di peringkat lebih tinggi dalam PKR.

"(Tidak musatahil) Puak-puak inilah yang membuka jalan kepada pendedahan demi pendedahan salah laku moral (baik) Anwar, Azmin dan banyak lagi pemimpin Pas dan PKR," kata MyKMU.

Ekoran penafian yang senada dengan ketuannya yang turut terpalit dengan isu

moral, Azmin kini menjadi bahan sindiran apabila orang ramai diminta membanding perutnya dengan perut lelaki dalam rakaman tersebut.

Walaupun isu skandal seks yang dikaitkan dengan Ahli Parlimen Gombak itu tersebar, isu-isu berkaitan rusuhan ketika perhimpunan Bersih 3.0 terus dimainkan, khususnya di pihak blog propembangkang.

Mereka cuba menutup peristiwa hitam di ibu negara itu dengan cuba menyalahkan pihak polis termasuk menyiarkan rakaman-rakaman video yang memaparkan anggota polis berlaku kasar terhadap orang awam, walaupun kesahihan rakaman berkenaan boleh dipersoalkan.

Tujuannya sudah tentu untuk meyakinkan rakyat bahawa penganjur dan peserta Bersih 3.0 tidak bersalah atas rusuhan yang berlaku, walaupun jelas-jelas merekalah yang melanggar arahan pihak berkuasa dan me-

mulakan provokasi ke atas anggota polis.

**Redzuan Mohd Junid** ([rmf7.wordpress.com](http://rmf7.wordpress.com)) melihat rusuhan Bersih 3.0 tidak lain adalah salah satu gerakan pihak-pihak tertentu untuk menjatuhkan kerajaan sedia ada bagi menubuhkan sebuah negara republik.

Katanya, perkataan-perkataan seperti "rakyat", "kemiskinan", "pilihan raya", "korupsi", "penyelewengan", "kekejaman", "hak asasi" atau "kebebasan" merupakan agenda pemberontak yang termaktub dalam "Illuminati and Protokol Of Zions" yang bertujuan untuk mewujudkan kepalsuan fakta terhadap pemerintah.

"Jika kita kaji kejatuhan Negara-negara Teluk, semua perkataan di atas diguna pakai dan bagi rakyat yang tidak pernah mengkaji serta memahami ideologi (pasti) akan terperangkap dan akhirnya revolusi rakyat tercetus..." katanya.